

## NIRMALA SHANMUGHALINGAM

Diperkenalkan oleh Redza Piyadasa

**P**UAN Nirmala Shanmughalingam dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1941. Beliau menamatkan sekolah menengahnya di Sekolah Perempuan Methodist Pulau Pinang pada tahun 1960 dan melanjutkan Tingkatan Enamnya di Sekolah Lelaki Methodist Kuala Lumpur. Bila tamat persekolahannya pada tahun 1962, beliau membuat keputusan menjadi pegawai pelancang. Pada tahun 1965 Puan Nirmala mengahwini seorang pegawai Perbendaharaan dan pada tahun berikutnya mengikuti suaminya ke Amerika Syarikat selama setahun. Semasa di Washington, beliau menjadi pelajar sambilan di Corcoran School of Art di Washington D.C. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1967. Beliau dan suaminya ke Amerika Syarikat sekali lagi pada tahun 1971. Dengan dua orang anak kecil, beliau berupaya mengikuti pengajian di Fogg Museum School of Art yang terletak di Boston. Pada awalnya, pengajian senilukis formal diperolehinya separuh masa. Hanya pada penghujung tahun 1975 beliau dapat mengikuti sepenuh masa. Suaminya telah mengikuti ijazah kedoktoran di Universiti Oxford, England dan Puan Nirmala mengambil peluang mengikuti kursus sepenuh masa di Politeknik Oxford, mengkhusus dalam sebaran am, senilukis grafik dan psikologi. Beliau lulus pada tahun 1978 dengan ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian. Sekembalinya ke Malaysia pada tahun yang sama, beliau bekerja selama dua tahun dengan Perbadanan Kemajuan Pelancungan sebagai Pegawai Pelancungan. Sekarang beliau ialah pelukis sepenuh masa.

Bagi Puan Nirmala, penemuan seni adalah pahit dan perjalanannya mengambil masa. Terhimpit antara tanggungjawab sebagai isteri dan juga ibu kepada dua orang anak, beliau perlu menemui masa-masa terluang yang jarang-jarang didapati untuk memenuhi kehendak seninya. Syukur baginya, kerana anak-anaknya kini sudah dewasa dan beliau akhirnya berupaya wujud sebagai seorang pelukis yang serius. Persembahan dan galakan dari suaminya sudah tentu membantu dalam menemui kekuatannya yang khusus dan juga keyakinannya.

Kedua-dua perjalanannya ke Amerika Syarikat adalah penting kerana dari situ beliau terdedah kepada keghairahan suasana *avant garde* Amerika. Beliau menyatakan bahawa dirinya dipengaruhi oleh *Abstract Expressionism* dan juga kecenderungan-kecenderungan senilukis pop. Dua orang pelukis Amerika, Robert Motherwell dan Robert Rauschenberg sangat diminatinya. Karya-karya awal yang di-



hasilkan di Amerika Syarikat membayangkan minat dalam sapuan yang berani dan teknik kolaj. Minatnya dalam imej-imej gubahan terutamanya amat jelas.

Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 1972, beliau membuat keputusan melukis aspek-aspek lanskap Malaysia. Beliau bertujuan untuk memperbaiki kemahirannya dan usaha-usaha awal dalam mentafsirkan pemandangan tempatan malah digerakkan oleh aspirasi-aspirasi yang romantik. Karya-karya yang dihasilkan pada masa ini mendedahkan minatnya dalam pengaruh-pengaruh *Abstract Expressionism*. Adalah jelas beliau seorang pelukis yang sensitif. *Pemandangan dari Bukit Federal, 1972* (koleksi Dr. dan Puan E.K. Ng, Kuala Lumpur) adalah sebuah karya yang mantap, lebih dikenali kerana sifat-sifat akademiknya yang kejam. Beliau amat bergantung kepada olahan *gestural* dan warna coklat kemerah-merahan. Ini mewujudkan suasana kabur dan berkabut. Selepas melukis karya ini Puan Nirmala menjalani perubahan hebat dalam sikapnya terhadap senilukis, menyebabkan beliau menyoal kembali nilai-nilainya sebagai pelukis.

Puan Nirmala menjelaskan kepada penulis ini, bahawa dalam usahanya melihat lanskap Malaysia yang sebenarnya, beliau mendapati bahawa pengkalan alam semula jadi kurang diberikan perhatian. Dalam banyak tempat, beliau mendapati trektor dan mesin gergasi mencatatkan lanskap. Kehijauan digantikan oleh tanah merah. Ini juga menimbulkan masalah ekologi. Sampah-sarap dan kotoran industri mencemarkan sungai-sungai dan dalam banyak tempat udara dipenuhi debu. Dan tidak siapa pun mempedulikan! Dalam benak pemikirannya, keseimbangan antara manusia dan alam adalah penting. Sesuatu perlu dilakukan untuk mengingatkan rakyat Malaysia tentang krisis ekologi yang disaksikannya. Pada ketika inilah beliau meninggalkan senilukis. Teknik lukisan tradisional didapatinya tidak dapat memenuhi tujuan-tujuannya.

Keputusan Puan Nirmala untuk memasuki bidang fotografi adalah satu kesan lanjutan. Dalam satu hal, fotografi lebih sesuai untuk perhatian sosialnya.